



UPM Anjur Simposium Untuk Jaringan Polimer, Getah Dan Komposit



Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Salleh ketika merasmikan 9th National Symposium on Polymeric Materials (NSPM).

PUTRAJAYA, 15 Dis – Satu simposium yang menyediakan jaringan lebih luas dalam bidang polimer, getah dan komposit telah dianjurkan oleh Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Simposium kebangsaan itu, 9th National Symposium on Polymeric Materials (NSPM) menyediakan platform untuk penyelidik, ahli akademik dan usahawan seluruh negara berkongsi pengetahuan, menambah rangkaian penyelidikan dan hubungan baik antara pihak swasta dan akademik.

Naib Penasihat simposium tersebut Dr. Aidy Ali dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan berharap melalui simposium ini peserta dapat melebarkan jaringan dalam bidang polimer, getah dan komposit.

“Hasil penerbitan setiap penyelidik perlu dipastikan ketulenannya untuk mengelakkan jenayah plagiat supaya integriti dan etika dunia penyelidikan itu sendiri dapat dipelihara sebaik mungkin,” katanya.

NSPM ke-9 yang mengandungi 66 perbentangan lisan dan 35 persembahan poster manakala hasil simposium akan didokumentasikan dengan penerbitan sebuah buku abstrak dan CD prosiding selain 20 kertas pembentangan terpilih akan diterbitkan dalam *Pertanika Journal: Science and Technology*.

Antara organisasi yang turut menyertai simposium ini adalah Lembaga Getah Malaysia (LGM), Malaysian Nuclear Agency, SIRIM, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Kuala Lumpur.



Sebahagian peserta yang menyertai simposium tahun ini.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
Maklumat lanjut sila hubungi Dr. Azmah Hanim Mohamed Ariff 012-4835808 atau Ili
Syazwani Zahimi (012-3764581)**

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia